

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
(HULU LANGAT)**

**TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan jumlah dan senarai rumah-rumah Kebajikan Swasta yang  
merangkumi rumah Orang Tua, Anak Yatim, Pusat Pemulihan Akhlak  
yang diiktiraf oleh Kementerian di Semenanjung yang dapat membantu  
bersama Kementerian dalam menyelesaikan masalah masyarakat.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertanggungjawab memastikan pusat jagaan supaya berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jumlah pusat jagaan yang telah berdaftar pada tahun 2016 adalah sebanyak **373** buah. Jumlah pusat jagaan berdaftar yang terdapat di dalam rekod JKM adalah sebanyak **77** buah bagi kategori warga emas manakala sebanyak **215** buah kategori kanak-kanak dan **81** buah bagi lain-lain kategori seperti OKU, wanita dan pelbagai. Pusat jagaan kategori kanak-kanak merangkumi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan.

Pusat jagaan yang berdaftar ini telah dapat memenuhi permintaan dan keperluan masyarakat bagi memastikan ibubapa/waris mereka mendapat perlindungan sewajarnya.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**[HULU LANGAT]**  
**SOALAN** : **112**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkhidmatan yang dapat diberikan oleh Nuklear Malaysia terutama Pusat Penyinaran, Nuklear Malaysia, Jalan Dengkil kepada pemain industri tempatan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) ditubuhkan pada tahun 1972 dengan fungsi utama iaitu menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D), menawarkan perkhidmatan teknikal dan latihan dalam bidang teknologi nuklear. Salah satu dari perkhidmatan teknikal yang diberikan oleh Nuklear Malaysia kepada pemain industri tempatan ialah khidmat penyinaran.

Taman Teknologi Nuklear Malaysia di Jalan Dengkil menyediakan khidmat penyinaran alur elektron (ALURTRON), kemudahan penyinaran gamma (SINAGAMA), kemudahan pemvulkanan susu getah asli tanpa sulfur menggunakan sinaran gama (RAYMINTEX) dan Rumah Hijau Gamma (GGH).

Kemudahan ALURTRON menawarkan perkhidmatan penyinaran kepada pihak industri untuk menguatkan struktur bahan penebat wayar dan kabel, pensterilan produk farmaseutikal dan perubatan, rawatan gas serombong (*flue gas*), rawatan sisa air industri dan kumbahan.

Kemudahan SINAGAMA menawarkan perkhidmatan pensterilan peranti perubatan, produk makanan dan penghapusan serangga perosak dalam komoditi pertanian seperti buah-buahan.

Manakala kemudahan RAYMINTEX menawarkan perkhidmatan pemvulkanan susu getah asli tanpa sulfur menggunakan sinaran gama. Ia bagi memenuhi keperluan industri pembuatan produk celupan susu getah seperti sarung tangan, belon, sarung jari, pelapik gigi dan lain-lain.

Dalam pada itu, kemudahan GGH pula menawarkan khidmat penyinaran kronik termasuk yang berkaitan pembiakbakaan tumbuhan dan penghasilan benih baru tanaman melalui teknik mutasi aruhan.

Nuklear Malaysia juga memainkan peranan untuk memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak yang berminat untuk menggunakan khidmat penyinaran ini. Ini termasuk mereka yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana tempatan dan juga negara jiran seperti Singapura.

Selain perkhidmatan penyinaran, Nuklear Malaysia juga menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan seperti analisis, rekabentuk dan fabrikasi, ujian tanpa musnah (NDT), pengeluaran radioisotop serta perkhidmatan perundingan bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**KAWASAN : HULU LANGAT**

**SOALAN:**

**YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan pembangunan dan kemajuan pembinaan lebuh raya di sekitar Lembah Kelang dalam usaha menyuraikan trafik yang sesak di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat 5 projek pembinaan lebuh raya baru dan 2 projek kerja-kerja tambahan di lebuh raya yang sedia ada di sekitar Lembah Klang, iaitu seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Lebuhraya</b>	<b>% Kemajuan (Semasa)</b>	<b>% Kemajuan (Jadual)</b>
1.	Lebuhraya Sambungan Duta Ulu Kelang (DUKE2)	94	99
2.	Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (Suke)	9	11
3.	Lebuhraya Bertingkat Damansara – Shah Alam (DASH)	7	7

4.	Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE)	18	17
5.	Lebuhraya Kuala Lumpur Putrajaya (MEX2 )	7	7
6.	Persimpangan baru Ampar Tenang KLIA dari Lebuhraya ELITE	32	33
7.	Kerja Tambahan Lebuhraya NPE (Kuchai Link)	99	95

Sekian, terima kasih.